



Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld. **86 (32)**  
Tarikh : **13** Disember 2017

Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
Parit Raja  
86400 Batu Pahat  
**JOHOR**

Tuan,

**PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM SARJANA MUDA  
TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENGANGKUTAN REL DENGAN KEPUJIAN  
(MQA/PA 9726)**

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) yang bermesyuarat pada **28 November 2017** telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.
3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk **memberi Perakuan Akreditasi Sementara** selama **dua tahun bermula dari tarikh surat ini**.
4. Pihak tuan perlu mengemukakan bukti pematuhan syarat-syarat Perakuan Akreditasi Sementara seperti yang dinyatakan di perkara 3 dan 4 **Lampiran A** dalam tempoh **satu tahun dari tarikh surat ini**. Kegagalan pihak tuan mengemukakan dokumen dalam tempoh atau gagal mematuhi syarat yang ditetapkan akan menyebabkan Perakuan Akreditasi Sementara dibatalkan.
5. Perakuan Akreditasi Sementara ini tidak membawa maksud apa-apa jua pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia.
6. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA sebelum kohort pertama pelajar memulakan semester akhir program. Pihak MQA boleh melaksanakan pemantauan program tersebut dalam tempoh Perakuan Akreditasi Sementara diberikan.




7. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi **Puan Nurfauzan binti Muhammad Umran** di talian **03-7968 7103** atau e-mel: **nurfauzan@mqa.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(PROF. DR. HJ. HAZMAN SHAH BIN ABDULLAH)**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)  
Menjalankan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

BA(KT) / NFU / nina

s.k.: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 KUALA LUMPUR**

Pengarah  
Jabatan Akreditasi Kejuruteraan  
Lembaga Jurutera Malaysia  
Tingkat 9, Kelana Park View Tower  
No. 1, Jalan SS 6/2, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Fail MQA.600-2/2/6987